

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG
@ TAMBAT [LUBOK ANTU]**

SOALAN NO. 453

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan untuk membantu **menambah baik tempat kemudahan pasar tani atau "market" yang lebih luas dan dapat menampung penjaja-penjaja kecil tempatan berjual hasil tani mereka di pekan Lubok Antu.**

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ada melaksanakan projek membina dan menaik taraf infrastruktur seperti tapak pasar tani, pasar malam dan gerai di bawah peruntukan projek pembangunan berskala kecil di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Projek-projek ini meliputi 3 skop utama iaitu infrastruktur, kemudahan awam dan sosio-ekonomi. Sejak tahun 2016 hingga tahun 2018, KPKT telah membelanjakan lebih RM701,560 bagi melaksanakan 3 projek menaik taraf dan mengubahsuai pasar di kawasan Lubok Antu.

2. Antara projek tersebut adalah menaik taraf pasar bersepadu Lubok Antu, Sarawak dengan kos sebanyak RM422,290, projek menaik taraf pasar bersepadu Lubok Antu Fasa II, dengan kos sebanyak RM199,555 dan mengubah suai Market Khinzir kepada Gerai Menjual Ayam dengan kos sebanyak RM79,715. Sekian, terima kasih.